

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 OGOS 2024
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 22

Terus perhalusi impak



Raih RM5k sebulan!

PENGUSAHA ladang cili di bawah Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), Kementerian Ekonomi Mohd Sadi Abdul Rahman memetik cili ketika ditemui Bernama di Putrajaya, semalam. Bekas kru majlis itu berkata, sebelum menyertai IPR-Intan, secara purata dia hanya memperoleh RM2,000 sebulan dan kadang-kala kurang dari itu selain sering terputus pendapatan kerana tiada 'job' namun kini secara purata dia membawa pulang RM5,000 sebulan.

KESAN FAKTOR LUARAN KE ATAS EKONOMI MALAYSIA

TERUS PERHALUSI IMPAK

Kuala Lumpur

Malaysia akan terus menilai impak daripada faktor luaran terhadap ekonomi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa peka mengenai risiko geopolitik dan faktor

antarabangsa lain yang boleh mempengaruhi ekonomi Malaysia dan akan menilai keadaan dari semasa ke semasa.

"Kita kini berada di lansasan yang betul (untuk mencapai pertumbuhan ekonomi)," katanya kepada pemberita di luar Sidang Kemuncak Tahun

Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2024 di sini, semalam.

Anwar mengulas mengenai sama ada faktor luaran termasuk gempa bumi di Jepun bermagnitude 7.1,

baru-baru ini, dan perang Rusia-Ukraine yang berterusan akan memberi impak kepada ekonomi Malaysia.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia kini di landasan yang betul

Pada Mei, Kementerian Kewangan berkata, kerajaan optimis

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia berada pada kedudukan yang baik dan akan berkembang pada kadar unjuran rasmi antara 4.0 peratus dan 5.0 peratus pada 2024, didorong pertumbuhan suku pertama yang lebih tinggi daripada jangkaan. - Bernama